

TEKS PERBAHASAN
PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2022/23

N31 BATU LANCANG

Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, salam sejahtera dan selamat pagi semuanya. Puji syukur selalu saya panjatkan kepada Yang di-Pertua dan terima kasih telah memberikan saya kesempatan untuk membentangkan terkait hasil penelitian skripsi saya. Hari ini saya akan membentangkan hasil penelitian skripsi saya dengan judul "Syarikat Teknologi Memajukan & Mentransformasikan Ekonomi Negara". Pada kesempatan kali ini saya akan memaparkan 3 garis besar atau poin utama dalam penelitian skripsi saya iaitu:

- **Definisi syarikat teknologi**
- **Cara untuk membantu syarikat teknologi yang sedang membangun di Malaysia**
- **Bagaimana syarikat teknologi dapat memajukan & mentransformasikan ekonomi negara**

Baik, tanpa perlu membazirkan masa lagi, saya akan langsung membentangkan beberapa poin tersebut diawali dengan poin pertama, iaitu definisi syarikat teknologi. Syarikat teknologi ialah syarikat yang memberi tumpuan terutamanya pada pembuatan, sokongan, penyelidikan dan pembangunan produk. Perkhidmatan intensif teknologi berdasarkan kepada elektronik pengguna, telekomunikasi dan pengkomputeran yang paling biasa merangkumi perniagaan yang berkaitan dengan elektronik digital, perisian, optik, tenaga baharu dan perkhidmatan berkaitan internet seperti storan awan dan perkhidmatan e-dagang. Syarikat teknologi telah menjadi pemacu dominan dalam pertumbuhan ekonomi, cita rasa pengguna dan pasaran kewangan kebelakangan ini. Saham teknologi terbesar sebagai satu kumpulan, sebagai contoh, syarikat teknologi telah secara mendadak mengatasi pasaran yang lebih luas dalam dekad yang lalu. Ini disebabkan oleh kerana teknologi telah membentuk semula cara orang berkomunikasi, menggunakan maklumat, membeli-belah, bersosial dan bekerja. Secara umum, syarikat dalam sektor teknologi terlibat dalam penyelidikan, pembangunan dan pembuatan barang dan perkhidmatan

berasaskan teknologi. Mereka mencipta, mereka bentuk dan mengeluarkan komputer, peranti mudah alih dan peralatan rumah serta menyediakan produk dan perkhidmatan yang berkaitan dengan teknologi maklumat. Takrifan yang digunakan untuk perniagaan teknologi digital ialah "perniagaan yang menyediakan perkhidmatan/produk/platform/perkakasan teknikal digital, atau sangat bergantung padanya, sebagai sumber hasil utamanya." Tetapi tanya sekeliling, dan anda akan dapati orang yang terikat dengan pelbagai idea berbeza tentang apa itu 'syarikat teknologi'. Syarikat teknologi hari ini boleh diklasifikasikan kepada empat kumpulan, iaitu Produk Teknologi, Perkhidmatan Teknologi, Infrastruktur Teknologi dan Didayakan Teknologi. Sebuah syarikat produk teknologi mungkin apa yang kebanyakan orang bayangkan apabila mereka membayangkan sebuah syarikat teknologi. Ini adalah organisasi yang membina dan menjual produk, data, atau produk perkakasan elektronik. Selain daripada menawarkan produk, apa yang ditawarkan syarikat perkhidmatan teknologi adalah kakitangan. Syarikat-syarikat perkhidmatan teknologi menyediakan perkhidmatan berkuasa rakyat seperti perundingan, teknologi maklumat (IT), atau pembangunan outsourcing. Infrastruktur teknologi termasuk syarikat teknologi yang menyediakan sistem dan kemudahan yang membolehkan komunikasi dan perdagangan berdasarkan web. Syarikat-syarikat infrastruktur teknologi membina dan mengendalikan pusat data atau penyedia internet. Dayakan teknologi adalah aplikasi luas istilah syarikat teknologi. Syarikat-syarikat yang dibolehkan berteknologi berada dalam industri yang kebanyakan orang melihat jauh di luar industri teknologi, tetapi mencari cara untuk membina teknologi ke dalam produk mereka dan mempunyai keperluan untuk pekerja berkemahiran teknologi.

Seterusnya, poin kedua yang ingin saya sampaikan ialah cara-cara untuk membantu syarikat teknologi yang sedang membangun di Malaysia. Di Jalan Tun Hamdan Sheikh Tahir, Bertam, kami dapat nampak satu tapak seluas 339 hektar yang terletak dekat sini. Ini merupakan Taman Teknologi Pulau Pinang iaitu hanya industri berteraskan teknologi tinggi boleh berada di kawasan taman industri baharu ini. Taman perindustrian baharu ini melibatkan bidang perindustrian berteknologi tinggi. Contohnya di kawasan Batu Kawan, kebanyakan syarikat pelaburan adalah syarikat berteknologi tinggi seperti semikonduktor, industri aeroangkasa, produk pembuatan perubatan dan sebagainya. Kementerian Kewangan dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) boleh menjanjikan pemaju bahawa mereka akan

memberikan insentif kepada syarikat asing dan pelabur yang melabur di situ. Ini bukan sahaja dapat menarik lebih banyak pelabur untuk melabur di situ, ia juga dapat dijadikan sebagai sokongan terhadap mereka. Hal ini dikatakan demikian kerana sokongan amat penting untuk syarikat teknologi yang sedang dibangunkan sebagai kepercayaan dan pengiktirafan terhadap mereka. Inilah yang membuatkan mereka terus maju. Selain daripada itu, kerajaan negeri Pulau Pinang boleh memberikan maklumat berhubung sektor industri yang akan berada di kawasan Taman Teknologi Pulau Pinang itu. Oleh itu, rakyat dapat mengambil tahu tentang isu-isu yang sedang berlaku di kawasan itu. Dengan itu, mereka dapat memberikan sokongan mereka terhadap apa yang dilakukan oleh kerajaan negeri Pulau Pinang tetapi bukannya untuk meminta sokongan membuta tuli rakyat. Seterusnya, pelabur syarikat teknologi kini boleh menerima bantuan kewangan dengan memohon untuk menyertai National Technology & Innovation Sandbox (NTIS). Dengan peruntukan dana berkenaan mampu mempercepatkan pembangunan syarikat teknologi baharu. Menurunkan premium tanah juga merupakan salah satu cara untuk menyokong syarikat teknologi yang sedang membangun di Malaysia. Apabila premium tanah rendah, mereka mempunyai lebih banyak dana untuk melabur dan beroperasi syarikat mereka.

Poin ketiga yang ingin saya membentangkan sebelum kesimpulan ialah bagaimana syarikat teknologi dapat memajukan & mentransformasikan ekonomi negara. Syarikat teknologi dapat mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia. Hal ini dikatakan demikian kerana lebih banyak pekerja diperlukan untuk bekerja di syarikat teknologi yang baharu untuk mempercepat proses untuk menghasilkan produk. Alat - alat teknologi yang dieksport keluar negara juga dapat memajukan & mentransformasikan ekonomi negara. Eksport yang tinggi menyebabkan pengaliran wang masuk. Kalau kita tahu daripada pengiraan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), jika eksport tinggi, maka pertumbuhan KDNK akan meningkat. Jadi, kerajaan perlu pertimbangkan supaya eksport boleh diperhebatkan pengeluarannya di Malaysia.

Sebelum mengakhiri pembentangan hari ini, izinkan saya untuk menyampaikan beberapa kesimpulan terkait penelitian skripsi saya. Syarikat teknologi dapat mendatangkan banyak faedah kepada ekonomi negara Malaysia. Jadi, kerajaan negeri Pulau Pinang haruslah lebih fokus pada isu ini. Demikian pembentangan saya

pada sidang , semoga semua yang telah saya sampaikan dapat bermanfaat. Baik, terima kasih banyak untuk perhatiannya, mohon maaf apabila ada beberapa kesalahan dalam pembentangan saya. Saya akan menutup pembentangan, kali ini cukup sampai di sini.

Sekian ucapan saya, Terima Kasih.

Khor Yoong En

N31 Batu Lancang

Sidang Muda 2022/23

